

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JANUARY 2017

REAKSI

Bekas peserta haji tajaan 1MDB

UM - 10/1/2017

"Saya kecil hati dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sewenang-wenangnya menyifatkan ibadah jemaah haji seperti saya yang ditaja menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mabrur.



"Saya bersyukur apabila mendapat peluang sekali seumur hidup menjejakkan kaki ke Mekah bagi melaksanakan ibadah haji walaupun atas tiket tajaan. Saya bukan orang senang dan apabila mendapat peluang ke Mekah maka sudah tentu saya buat yang terbaik bagi memastikan ibadah saya diterima Allah SWT.

"Soal mabrur atau tidak itu terserah kepada Allah SWT dan kita sebagai manusia tidak mempunyai hak untuk menilai dan meletakkan hukum atas setiap amalan yang dilakukan oleh sesiapa pun."

KAMIS HAMID, 78.
Bekas pekerja kilang

"Dengan kos menunaikan ibadah haji yang semakin meningkat, saya bersyukur kerana terpilih menjadi tetamu Allah SWT walaupun pergi ke Mekah menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-1MDB pada 2015.

"Apabila Dr. Mahathir mengatakan ibadah haji kami (peserta tajaan 1MDB) tidak mabrur, saya berasa kecewa dengan dakwaannya itu. Beliau seolah-olah mempermainkan soal agama demi agenda politik peribadinya.

"Tidak sepatutnya perkara yang menjadi ketetapan Allah SWT ini dipolitikkan sekali gus merendahkan ibadah haji jemaah yang pergi dengan tajaan 1MDB."



YAAFAR SALLEH, 65.
Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Pekan Kodiang

"Saya menunaikan rukun Islam kelima ini kerana Allah SWT dan sudah tentu saya mahu ibadah haji saya diterima-Nya. Namun apabila orang berpengaruh seperti Dr. Mahathir mempertikaikan ibadah haji jemaah yang pergi menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-1MDB saya berasa terkilan.

Dr. Mahathir tidak sepatutnya memperkatakan tentang mabrur atau tidak kerana itu bukan kerja kita sebagai manusia. Beliau tahu daripada mana yang haji kami tidak mabrur? Pada saya, beliau membuat kenyataan mengikut nafsu semata-mata.

Sebagai jemaah yang pergi menunaikan haji atas tajaan 1MDB, saya minta Dr. Mahathir berhenti menyatakan ibadah haji kami tidak mabrur kerana itu urusan Allah SWT. Lagi pun, kami bersyukur dapat menjejakkan kaki ke Tanah Suci Mekah walaupun ditaja".



SHAFFIEE @ SHAFIE REJAB, 70.
Bekas pemandu teksi